

Jurnal Personalia Pelajar 19(1)(2016): 55-64

Pembelajaran-e, Tekanan dan Komitmen Belajar dalam Kalangan Pelajar Sains Sosial di Universiti
Kebangsaan Malaysia
(*E-Learning, Stress and Study Commitment Among Social Science Students at Universiti Kebangsaan
Malaysia*)

MD DAUD ISMAIL, NUR SYUHADA MD ZAIN & ROSHAYATI ABDUL HAMID

ABSTRAK

Pembelajaran-e telah menjadi topik utama dalam kajian berkaitan pendidikan dalam konteks insitut pengajian tinggi. Penemuan oleh penyelidik terdahulu menunjukkan bahawa tanggapan kebolehgunaan pembelajaran-e mempengaruhi proses pembelajaran yang lebih berkesan dan meningkatkan prestasi pencapaian pelajar. Penemuan oleh kajian lepas juga menunjukkan bahawa tekanan dan komitmen belajar adalah faktor penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Khususnya, kajian ini menyelidik peranan pembelajaran-e terhadap tekanan belajar dan juga hubungan di antara tekanan dan komitment belajar. Data kajian dikutip dari pelajar prasiswazah dalam bidang Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kaedah analisis regresi pelbagai telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil analisis menunjukkan bahawa pembelajaran-e mempengaruhi tekanan belajar dan komitmen belajar secara positif dan signifikan. Sebagai tambahan, tekanan belajar juga mempengaruhi komitmen belajar dengan positif dan signifikan. Di akhir kertas ini terdapat bahagian perbincangan dan kesimpulan kajian.

Kata kunci: Pembelajaran-e, tekanan, komitmen belajar, sains sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

E-Learning has been the topic of study in educational research in the context of institute of higher learning. The findings of previous studies indicate that perceived usefullness of e-learning influences effective learning process and improves student's performance. The findings of previous studies also show that stress and commitment are two important factors in teaching and learning process. Particularly, this study investigates the role of e-learning on study stress, and the relationship between stress and study komitment. Data was collected among social science undergraduate students at Universiti Kebangsaan Malaysia. Multiple regression method was used to test the hypothesis. The results indicate that e-learning positively and significantly influences stress dan commitment. In addition, it was also found that stress positively and significantly influences commitment. At the end of this paper, discussion and conclusion were presented.

Keywords: E-learning, stress, study commitment, social science, Universiti Kebangsaan Malaysia

PENGENALAN

Kajian literatur menunjukkan bahawa perubahan yang paling ketara dalam sistem pembelajaran yang secara tradisionalnya berpusatkan guru ialah penggunaan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar (Lee et al. 2009). Fenomena ini banyak dipengaruhi oleh penciptaan teknologi baru dalam komunikasi yang seterusnya memacu kepada pembangunan sistem pembelajaran-elektronik (pembelajaran-e). Dalam konteks akademik, institusi pengajian tinggi di seluruh dunia telah banyak membuat pelaburan di dalam pembangunan pembelajaran-e. Hal ini demikian kerana pembelajaran-e dapat membantu untuk mengurangkan kos pendidikan, membina pendidikan yang lebih konsisten, memberikan kandungan sesuai mengikut masa dan menyediakan capaian yang fleksibel dan mudah (Cantonia et al. 2004). Projek Agenda Kritikal dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia telah memberi penekanan kepada pelaksanaan dan penggunaan pembelajaran-e di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Susulan dari itu, IPT di Malaysia telah mula menggunakan sistem pembelajaran-e sama ada yang dibeli di pasaran ataupun sistem yang dibangunkan sendiri secara dalaman.

Walaupun pembelajaran-e telah menarik perhatian industri dan akademia namun umumnya kefahaman kita pada pembelajaran-e adalah terbatas (Lee et al. 2009). Oleh itu kajian ini berpandangan bahawa walaupun pembelajaran-e dapat memberikan manfaat yang banyak kepada pendidikan namun beberapa perkara perlu di ambil perhatian bagi memastikan pembelajaran-e ini digunakan dengan cara terbaik. Terutama sekali perkara yang berkaitan dengan kesan pembelajaran-e kepada pelajar. Dalam kajian ini dua faktor utama yang dilihat memberi impak yang kritikal kepada pelajar adalah tekanan dan komitmen belajar. Hal ini kerana kedua-dua faktor ini berupaya memberikan kesan langsung kepada pencapaian pelajar.

Pembelajaran-e atau pembelajaran elektronik atau maya (Online Learning) adalah penggunaan teknologi komunikasi dalam menyalurkan maklumat untuk pendidikan dan latihan (Sun et al. 2008). Sistem pembelajaran-e bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keterbukaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), teknologi serta pengurusan di dalam sesebuah universiti. Sebagai contoh, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menggunakan i-Folio sebagai medium perhubungan secara maya dan diaplikasikan mengikut keperluan teknologi terkini. Di dalam iFolio terdapat 'My Course Portfolio' yang antaranya merangkumi ruangan info, pemberitahuan (announcements), 'rosters', kandungan bahan atau

kursus, pembentukan kumpulan, tugas, kuiz dan ruangan perbincangan. Dalam keadaan ini pengajar dan pelajar boleh berada di tempat yang berbeza semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sedang berlangsung. Mereka juga boleh memuat naik dan muat turun bahan kuliah atau tugas, mengadakan perbincangan secara atas talian. Pembelajaran-e juga merupakan komunikasi dua hala atau pelbagai hala di antara pensyarah dan pelajar serta rakan kuliah. Pembelajaran-e ini dilihat sebagai satu pendekatan yang berinovatif untuk menyampaikan sesuatu perkara secara kreatif dan menarik melalui bahan pengajaran dan pembelajaran dari sudut teks, audio, video, grafik atau simulasi.

Pembelajaran-e adalah aspek yang paling mempengaruhi pencapaian dan prestasi pelajar disebabkan keadaan arus pendidikan pada hari ini yang semakin mendesak para penuntut untuk berusaha keras. Secara umumnya, kebolegunaan pembelajaran-e memberikan suatu tekanan kepada pelajar terutama mahasiswa di IPT kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran-e yang pastinya berbeza dengan kaedah tradisional. Dari sudut yang lain, pembelajaran yang fleksibel dan interaktif menjadikan pelajar lebih aktif melibatkan diri dalam proses pembelajaran dan ini dilihat dapat meningkatkan komitmen belajar.

Melihat kepada tren penggunaan kaedah pembelajaran-e di IPT dan keperluan kajian yang mendalam berkenaan kesan pembelajaran-e kepada pelajar, maka kajian ini dilihat amat perlu. Objektif kajian ini adalah untuk menyelidik kesan kebolegunaan pembelajaran-e kepada tekanan dan komitmen belajar dalam kalangan pelajar di institut pengajian tinggi. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji pengaruh tekanan ke atas komitmen.

KAJIAN LITERATUR DAN HIPOTESIS

Pembelajaran-e

Walaupun banyak kajian telah dibuat berkaitan pembelajaran-e, namun para pengkaji mempunyai pandangan yang berbeza-beza mengenai definisi pembelajaran-e. Sebagai contoh Majpuni dan Yusof (2012) mendefinisikan pembelajaran-e sebagai satu konsep yang mengintegrasikan teknologi maklumat di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik untuk menyampaikan isi kandungan, interaksi atau pemudahcaraan. Sun dan rakan-rakan (2008) pula memberikan definisi yang sedikit berbeza di mana

mereka menyatakan bahawa pembelajaran-e adalah penggunaan teknologi komunikasi dalam menyalurkan maklumat untuk pendidikan dan latihan. Meskipun terdapat perbezaan di antara penyelidik berkenaan definisi pembelajaran-e, namun begitu boleh dikatakan bahawa semua definisi di atas bersetuju dengan pembelajaran-e berkait rapat dengan penggunaan teknologi maklumat bagi tujuan komunikasi dalam pendidikan.

Dalam konteks kajian ini, pembelajaran-e akan menjadi lebih bermakna apabila sistem pembelajaran-e bermanfaat untuk pengguna seperti tambahbaik tugas selepas penggunaan pembelajaran-e. Oleh itu kami bersetuju dengan Lee dan rakan-rakan (2009) yang menekankan konsep tanggapan kebolegunaan (*perceived usefulness*) yang didefinisikan sebagai seseorang yang menerima dan mempercayai penggunaan sesuatu sistem dapat meningkatkan prestasi kerja. Ianya merujuk kepada sejauh mana seseorang itu percaya bahawa penggunaan sistem pembelajaran-e dapat meningkatkan prestasi masing-masing. Oleh itu dalam konteks pendidikan tinggi tanggapan kebolegunaan pembelajaran-e adalah kepercayaan pelajar universiti memahami dan menerima bahawa sistem pembelajaran-e mampu meningkatkan pembelajaran serta dapat memberikan impak positif kepada sikap terhadap niat menggunakan internet sebagai medium pembelajaran.

Potensi pembelajaran-e sebagai alat bantuan yang dapat meningkatkan tahap pendidikan dan prestasi pelajaran ia juga berkait rapat dengan tanggapan bahawa pembelajaran-e ini mampu meningkatkan prestasi pelajaran, meningkatkan produktiviti akademik dan boleh menjadikan proses pembelajaran lebih mudah (Park 2009). Menurut Al-Adwan and Smedley (2012), penggunaan teknologi dalam kaedah pembelajaran terutama pada peringkat pengajian tinggi dapat memberi kelebihan dari segi proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif. Hal ini kerana penggunaan teknologi menjadikan pembelajaran lebih fleksibel dan membuka ruang untuk pelajar berjaya. Di Malaysia, kebanyakan IPT awam atau swasta pada masa kini telah menyediakan kemudahan komputer dan rangkaian internet bagi menggalakkan penggunaan pembelajaran-e.

Pembelajaran-e dan Tekanan

Kajian terdahulu menunjukkan tekanan merangkumi tiga aspek iaitu respon, ransangan dan transaksi (Matthieu & Ivanoff 2006). Salah satu teori yang sering menjadi rujukan para pengkaji (contoh: Matthieu & Ivanoff 2006; Szabo et al. 2016) berkaitan tekanan

adalah Teori Transaksional Tekanan oleh Lazarus dan Folkman (1984). Menurut teori ini tekanan adalah hasil daripada transaksi di antara orang dan persekitaran. Selari dengan konsep yang dimajukan oleh Teori Transaksional Tekanan ini, Pfaff (2008) berpandangan bahawa tekanan adalah hubungan antara tanggapan permintaan oleh situasi semasa dan keupayaan seseorang untuk bertindakbalas. Seorang individu akan mengalami tekanan apabila berhadapan situasi yang mengganggu pemikiran atau aktiviti. Dalam hal ini, tekanan merujuk kepada kecelaruan psikologi seseorang berpunca dari masalah yang wujud (Yaacob et al. 2013) atau disebabkan faktor yang kuat daripada persekitaran (Yusof & Azman 2013). Dalam konteks akademik pula, Thawabieh dan Qaisy (2012) menjelaskan bahawa pelajar mengalami tekanan akademik akibat daripada peperiksaan, tugas dan keperluan lain di universiti yang berkemungkinan melebihi keupayaan mereka. Kajian lepas berkenaan tekanan dalam kalangan pelajar menunjukkan bahawa tekanan mempunyai hubungan dengan pembelajaran. Contohnya, tekanan dalam pelajaran berlaku akibat desakan yang dihadapi oleh pelajar untuk bersaing dalam pencapaian akademik atau memenuhi tuntutan tugas yang diberi.

Terdapat perkaitan antara pembelajaran-e dengan tekanan akademik dalam kalangan pelajar. Sekiranya pelajar dapat seimbangkan perubahan dalam proses pembelajaran terutama cara untuk mendapatkan maklumat dengan kandungan kursus serta sumber berasaskan pembangunan teknologi, maka ianya akan membawa kepada penerimaan untuk sesuatu sistem pembelajaran-e tanpa merasa bimbang dan gelisah. Menurut Singh et al. (2003), penerimaan sesuatu sistem adalah berkait rapat dengan hasil yang diberikan oleh pelajar. Apabila pelajar beranggapan bahawa pembelajaran-e memudahkan mereka untuk memperoleh kandungan kursus, ianya akan menyebabkan mereka berasa lebih gembira dan kurang tertekan dengan pembelajaran-e yang tidak terhad untuk diakses pada bila-bila masa.

Berbeza dengan pandangan di atas, dari sudut lain pembelajaran-e juga boleh menyebabkan tekanan. Hal ini kerana pembelajaran-e meningkatkan kecekapan komunikasi di mana maklumat seperti arahan penyelia, peringatan dan pencapaian dalam kursus akademik akan disebarluaskan dengan pantas tanpa ada batasan masa dan tempat. Apabila pelajar menerima maklumat dalam bentuk arahan dan peringatan yang berterusan pelajar akan terdesak untuk melaksanakan arahan berkenaan. Desakan ini akan menjadi lebih ketara apabila pelajar berada di dalam keadaan bebanan tugas yang banyak dan persekitaran yang tidak kondusif. Selain itu pelajar juga boleh tertekan untuk

melaksanakan tugas dan arahan yang diberikan tanpa batas masa melalui alat elektronik terutama dalam situasi persaingan untuk mendapatkan keputusan yang terbaik di dalam kursus. Tanggapan terhadap permintaan untuk menghasilkan kualiti tugas yang tinggi akibat penggunaan pembelajaran-e juga boleh memberikan tekanan kepada pelajar. Oleh itu pembelajaran-e ini secara langsung juga boleh menyebabkan berlaku tekanan kepada pelajar. Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini mencadangkan hipotesis berikut:

Hipotesis 1: Pembelajaran-e mempengaruhi tekanan secara positif dan signifikan.

Pembelajaran-e dan Komitmen

Komitmen adalah penumpuan yang harus diberikan terhadap beberapa aspek iaitu sikap, emosi dan perilaku seseorang terhadap sesuatu objek atau apa sahaja yang disukai atau tidak yang terhasil dari kesungguhan seseorang (Yahaya, Ramli & Boon, 2007). Dari sudut institut pengajian tinggi, komitmen adalah tahap penglibatan pelajar secara aktif atau tidak terhadap pembelajaran di peringkat universiti (Haruzuan & Kuppusamy, 2011). Bermaksud, pelajar sendiri berperanan dan prihatin terhadap pengisian kehidupan mereka terutama dari segi akademik. Secara keseluruhan dalam konteks kajian ini komitmen ialah hasil dari kecekapan diri pelajar terhadap pembelajaran di IPT.

Pelajar untuk berdikari pada setiap masa dan bertanggungjawab untuk pembelajaran. Oleh itu pelajar perlu membuat persediaan dan perancangan yang rapi untuk memperolehi bahan dan maklumat berkaitan dengan pembelajaran. Ini jelas menunjukkan apabila seseorang pelajar berasa selesa dan berminat menggunakan secara aktif sistem pembelajaran-e kerana faktor fleksibel dan mudah untuk mencapai bahan kuliah maka penerimaan terhadap pembelajaran-e meningkatkan kepuasan dan seterusnya komitmen pelajar terhadap pelajaran.

Selain itu, penumpuan perlu diberikan kepada aspek komitmen dan kesungguhan pelajar terhadap mata pelajaran yang diambil (Arbaa et al. 2010). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran boleh ditingkatkan sekiranya pelajar dapat memahami maklumat yang diperolehi dari sesuatu kursus. Secara tidak langsung pelajar akan merancang strategi pembelajaran yang bersesuaian dan seterusnya memberikan komitmen yang lebih tinggi terhadap pelajar.

Menurut Saud et al. (2007) 'perceived usefulness' boleh mempengaruhi penggunaan ke atas

pembelajaran, kesediaan dan keyakinan diri untuk menggunakan pembelajaran-e dalam kehidupan siswazah. Menurutny lagi, kesan 'perceived usefulness' menunjukkan peningkatan minat dan komitmen pelajar terhadap pembelajaran di samping keseronokan untuk belajar melalui elektronik. Apabila pelajar merasakan bahawa melalui pembelajaran-e bahan-bahan dan maklumat pembelajaran mudah untuk dicapai dan sangat berguna maka ini akan menyebabkan pelajar memberikan komitmen yang lebih tinggi kepada pembelajaran seperti menghadiri kuliah dan menghantar tugas pada masa yang ditetapkan. Dengan kata lain pembelajaran-e menarik pelajar untuk memberikan komitmen yang lebih tinggi kepada kursus. Oleh itu, berdasarkan perbincangan di atas kajian ini mencadangkan hipotesis berikut:

Hipotesis 2: Pembelajaran-e mempengaruhi komitmen secara positif dan signifikan

Tekanan dan Komitmen

Tekanan ditakrifkan sebagai apa-apa faktor yang bertindak secara dalaman dan luaran, mampu membuat penyesuaian kepada persekitaran yang sukar dan mendorong pihak individu untuk mengekalkan keadaan keseimbangan antara dirinya dengan persekitaran luaran. (Pourrajab et al. 2014). Menurut Mahyuddin et al. (2001) tekanan mengikut definisi bererti tekanan ke atas individu oleh apa jua situasi sama ada positif atau negatif. Oleh itu, tekanan sering kali dikaitkan dengan pelajar kerana mereka perlu menyesuaikan kehidupan dengan dunia akademik yang kompetitif dan kehidupan sosial yang mencabar. Kesan tekanan akademik ke atas prestasi pelajar dapat dilihat dari segi tahap pendidikan yang meletakkan bebanan ke atas pelajar di mana kekangan masa dan kesukaran di dalam ujian atau peperiksaan menyebabkan pelajar cenderung untuk mengalami tekanan.

Namun demikian, Teori Transaksional Tekanan (Lazarus & Folkman 1984) menyatakan bahawa terdapat dua bentuk penyebab tekanan iaitu tekanan yang mencabar (challenge) dan tekanan yang menghalang (hindrance). Penyebab tekanan yang mencabar selalunya memberikan kesan yang positif kerana individu akan berusaha untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan mereka mempunyai persepsi yang positif terhadap impak tekanan tersebut. Manakala, penyebab tekanan halangan pula adalah sebaliknya iaitu memberi kesan yang negatif kepada individu. Menurut Thawabieh dan Qaisy (2012) disebabkan perubahan melalui kaedah pembelajaran dan persekitaran, pelajar berpotensi mengalami


pelbagai jenis tekanan yang boleh menjejaskan mental dan sosial serta pencapaian akademik mereka. Oleh itu, kepercayaan, kebolehan dan kawalan dalam menangani pembelajaran yang lebih terancang dan terperinci dengan kemunculan kaedah sistem pembelajaran-e, dilihat sebagai penyebab tekanan yang positif yang dapat membantu setiap pelajar di IPT untuk memberi komitmen kepada pelajaran dan seterusnya memperoleh pencapaian yang cemerlang.

Tekanan yang dihadapi oleh pelajar perlu ditangani supaya aktiviti harian pelajar dapat diurus dengan baik, mudah dan tenang. Tekanan sering kali berkait rapat dengan pembelajaran di mana tekanan pada tahap sederhana boleh menjadi suatu bentuk sokongan dan dorongan yang kuat. Ia dapat membantu minda dan tubuh bekerja dengan lebih baik serta menyumbang kepada mental seseorang. Menurut Baidari dan Hassan (2014) pelajar pada

awal tahun pengajian amat mudah terdedah kepada tekanan disebabkan oleh proses transisi mereka di peringkat universiti. Selain itu, dunia akademik yang mencabar di mana ramai pelajar cemerlang bersaing untuk mencapai keputusan akademik yang lebih baik. Tanggapan bahawa pencapaian akademik cemerlang akan mudah untuk mendapat pekerjaan meningkatkan lagi persaingan dan tekanan akademik. Persekitaran pembelajaran yang mencabar dan dunia akademik yang kompetitif akan memberi tekanan kepada pelajar untuk menyeimbangkan persekitaran yang berbeza dan dalam masa yang sama mengejar kecemerlangan akademik memerlukan pelajar lebih berdisiplin dan memberikan komitmen yang tinggi terhadap pelajaran. Oleh itu kajian ini mencadangkan hipotesis di bawah:

Hipotesis 3: Tekanan mempengaruhi komitmen secara positif dan signifikan.

RAJAH 1. Model Konseptual



KAEDAH KAJIAN

Sampel untuk kajian ini terdiri daripada pelajar prasiswazah dari tiga fakulti sains sosial iaitu Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk mengutip data. Soalan kajian telah diedarkan secara rawak di kalangan pelajar di kampus utama UKM iaitu Bangi. Sebanyak 400 responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Namun begitu soalan kajian untuk 9 responden didapati tidak lengkap dan bakinya iaitu sebanyak 391 responden telah dianalisa.

Jadual 1 menunjukkan profil demografik responden kajian. Hampir 80 peratus daripada responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar perempuan. Ini sesuai dengan statistik pelajar terkini di kebanyakan institut pengajian tinggi awam di mana pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki. Dari segi bangsa, seramai 314 atau 80.3 peratus pelajar yang

mengambil bahagian dalam kajian ini adalah pelajar Melayu. Ini diikuti oleh pelajar Cina seramai 38 orang (9.7 peratus) dan India seramai 17 orang (4.3 peratus). Lain-lain bangsa terdiri daripada bumiputra Sabah dan Sarawak, orang asal Semenanjung Malaysia dan pelajar antarabangsa dari Indonesia iaitu seramai 22 orang (5.6 peratus).

Jadual 1 juga menunjukkan pecahan pelajar dari segi CGPA, Fakulti, Tahun Pengajian dan Sijil Kemasukan ke UKM. Data statistik menunjukkan majoriti responden iaitu 264 orang atau 68 peratus dari jumlah responden memperolehi CGPA di antara 3.00 sehingga 3.49. Ini diikuti oleh pelajar yang memperolehi CGPA di atas 3.50 iaitu seramai 70 (17.9 peratus) dan pelajar yang memperolehi CGPA di antara 2.50 dan 2.99 iaitu seramai 48 orang (12.3 peratus). Dari segi fakulti, separuh daripada responden adalah pelajar dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan iaitu seramai 197 orang (50.4 peratus). Responden dari dua fakulti lagi iaitu FSSK dan FPEND masing-masing seramai 99 (25.3 peratus) dan 95 orang (24.3 peratus).

Untuk tahun pengajian pula, seramai 231 responden (59.1 peratus) adalah pelajar tahun tiga. Ini diikuti oleh pelajar tahun dua seramai 153 orang (39.1 peratus) dan tahun 1 seramai 7 orang (1.8 peratus). Dari segi sijil kemasukan ke UKM, seramai 216 responden (55.2

peratus) menggunakan sijil matrikulasi. Ini diikuti oleh sijil STPM (26.1 peratus), sijil diploma (14.6 peratus), sijil STAM (0.3 peratus) dan lain-lain seperti sijil asasi pintar UKM (0.3 peratus).

JADUAL 1. Profil Demografik Responden

	Kumpulan	Jumlah	Peratus
Jantina	Lelaki	85	21.7
	Perempuan	305	78.3
Bangsa	Melayu	314	80.3
	Cina	38	9.7
	India	17	4.3
	Lain-lain	22	5.6
	CGPA	Atas dari 3.5	70
	Antara 3.0 – 3.49	264	67.5
	Antara 2.5 – 2.99	48	12.3
	Antara 2.0 – 2.49	8	2
	Bawah 2.0	1	0.3
Fakulti	FEP	197	50.4
	FSSK	99	25.3
	FPEND	98	24.3
Tahun Pengajian	Tahun 1	7	1.8
	Tahun 2	153	39.1
	Tahun 3	231	59.1
Sijil Kemasukan	Matrikulasi	216	55.2
	STPM	102	26.1
	Diploma	57	14.6
	STAM	1	0.3
	Lain-lain	15	3.8

Nota: FEP = Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, FSSK = Fakulti Sains Sosial dan Kemasayarakatan, FPEND = Fakulti Pendidikan; STPM = Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, STAM = Sijil Tinggi Agama Malaysia.

Kajian ini menggunakan soalan dari kajian lepas dan diadaptasi berdasarkan konteks kajian ini. Soalan kajian adalah di dalam Bahasa Malaysia. Soalan kajian bagi tekanan terdiri daripada 6 item yang telah diadaptasi dari Thawabieh dan Qaisy (2012). Manakala soalan kajian untuk komitmen terdiri daripada 5 item yang diadaptasi dari Omar dan Ahmad (2009). Bagi pembelajaran-e pula soalan kajian sebanyak 4 item telah diadaptasi dari Lee et al. (2009).

ANALISIS DATA

Analisa faktor menggunakan kaedah principle component analysis dan varimax rotation untuk menguji skala kajian sama ada item load kepada komponen seperti yang dijangkakan (Ujian KMO dan Bartlett; $\beta = 0.777$, $p > 0.001$). Item dengan nilai standardised

factor loading di bawah 0.60 (C6 dan D1) dibuang (to purified the scale). Merujuk kepada jadual 2, statistik ujian analisa faktor dengan nilai Eigen bersamaan 1 menunjukkan bahawa item 'loaded' kepada 4 komponen. Hasil ujian analisa faktor menunjukkan komponen tekanan terdiri daripada dua subkomponen iaitu komponen 3 (tekanan akademik terdiri dari 3 item) dan komponen 4 (tekanan bukan akademik terdiri dari 2 item).

Kajian ini menjalankan ujian normaliti untuk semua pemboleh ubah. Nilai statistik untuk skewness and kurtosis ditunjukkan dalam jadual 2. Dengan merujuk kepada West, Finch and Curran (1995) didapati bahawa data dalam kajian ini memenuhi andaian normaliti.

Dari segi kebolehpercayaan, nilai cronbach alpha untuk semua konstruk kajian melebihi 0.70 (jadual 2) dan ini menunjukkan ujian kebolehpercayaan adalah diterima (Nunnally 1978).

JADUAL 2. Matriks Komponen Diputar

Item	Komponen			
	1	2	3	4
A1	0.619			
A2	0.903			
A3	0.918			
A4	0.882			
C1			0.660	
C2			0.883	
C3			0.837	
C4				0.794
C5				0.901
D2		0.617		
D3		0.807		
D4		0.838		
D5		0.821		

Nota: Nilai 'loading' di bawah 0.40 tidak ditunjukkan dalam jadual.

Jadual 3 menunjukkan data korelasi di antara konstruk kajian dan statistik deskriptif. Berdasarkan jadual nilai korelasi antara konstruk adalah di bawah 0.70. Nilai statistik (Jadual 4) untuk Variance Inflation Factor (VIF) menunjukkan bahawa semua nilai berada di bawah 2.5 dan untuk tolerance menunjukkan bahawa semua nilai berada di atas 4.0. Ini bermakna bahawa

kajian ini tiada masalah multicollinearity (Hair et al. 2006). Sementara itu nilai Durbin-Watson adalah 1.864 (Jadual 4) dan 1.818 (Jadual 5) dan berada di dalam julat yang boleh diterima (antara 1.750 dan 2.250). Ini menunjukkan bahawa "The non-Independence Of Errors" tidak wujud dalam kajian ini.

JADUAL 3. Statistik Diskriptif, Matrik Kolerasi Pearson dan Kebolehppercayaan

	α	1	2	3	4
1. Pembelajaran-e	0.911	1.000			
2. Tekanan Akademik	0.746	0.146*	1.000		
3. Tekanan Bukan Akademik	0.683	0.065	0.303**	1.000	
4. Komitmen	0.846	0.292**	0.200**	0.067	1.000
Means		5.4817	5.1543	4.1304	5.7204
Standard Deviation		0.8881	0.9941	1.3717	0.7614
Skewness		-0.042	-0.459	-0.172	-0.185
Kurtosis		-0.590	0.223	-0.495	-0.072

*p < .05; **p < .01; ***p < .001;

DAPATAN KAJIAN

Data untuk kajian ini telah dianalisa menggunakan SPSS versi 23. Kaedah regresi berganda telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Bagi menguji hipotesis 1 (pemboleh ubah bersandar adalah tekanan) dua model regresi telah dihasilkan seperti dalam Jadual 4. Dalam model 1 (Jadual 4) keputusan ujian hipotesis menunjukkan bahawa pemalar menyumbang sebanyak

6 peratus kepada varian dalam tekanan. Apabila variabel tak tergantung pembelajaran-e ditambah dalam model 2 varian dalam tekanan telah meningkat sebanyak 2.2 peratus (statistik: $\Delta R^2 = 0.022$, F-change = 9.020, $p < 0.01$, ujian 2 tailed). Keputusan ujian hipotesis menunjukkan bahawa kesan pembelajaran-e kepada tekanan adalah positif dan signifikan ($\beta = 0.149$; nilai-t = 3.003, $p < 0.01$) dan hipotesis 1 adalah disokong.

JADUAL 4. Analisis Regresi Berganda Untuk Pemboleh Ubah Bersandar Tekanan

Pemboleh ubah Bersandar – Tekanan				
Pemboleh ubah	Model 1	Model 2	Tolerance	VIF
Pemalar				
Jantina	0.005(0.104)	0.006(0.127)	0.921	1.086
Tahun Pengajian	0.040(0.803)	0.049(0.988)	0.970	1.031
Fakulti	0.086(1.678)	0.080(1.563)	0.918	1.089
Bangsa	-0.024(-0.474)	-0.001(-0.024)	0.967	1.034
CGPA	-0.221(-4.396)***	-0.230(-4.610)***	0.962	1.040
Peramal				
Pembelajaran-e	-	0.149(3.003)**	0.969	1.032
R ²	0.060	0.082		
ΔR ²	-	0.022		
F- Change	4.882***	9.020**		
df	5/385	1/384		

*p < .05; **p < .01; ***p < .001; Durbin-Watson = 1.864

Nota: Nilai koefisien regresi standardized dilapurkan dan nilai t dalam kurungan.

Jadual 5 menunjukkan tiga model bagi keputusan ujian hipotesis 2 dan 3. Dalam model 1, pemalar menyumbang sebanyak 7.1 peratus kepada varian di dalam komitmen belajar. Peramal iaitu tekanan ditambah dalam model 2 dan keputusan menunjukkan tekanan menyumbang sebanyak 4.4 peratus kepada varian dalam komitmen belajar (statistik: ΔR² = 0.044, F-change = 19.193, p < 0.001, ujian 2 tailed). Keputusan dalam model 2 juga menunjukkan bahawa pengaruh tekanan kepada komitmen belajar adalah signifikan

dan positif ($\beta = 0.212$; t-value = 4.381, p < 0.001) dan hipotesis 2 adalah disokong.

Dalam model 3 (Jadual 5) peramal iaitu pembelajaran-e ditambah dan ia menyumbang sebanyak 6.3 peratus dalam varian tekanan (statistik: ΔR² = 0.063, F-change = 29.198, p < 0.001, ujian 2 tailed). Keputusan ujian hipotesis menunjukkan bahawa pembelajaran-e secara signifikan dan positif ($\beta = 0.25$, nilai = 5.40, p < 0.001) mempengaruhi komitmen belajar dan hipotesis 3 adalah disokong.

JADUAL 5. Analisis Regresi Berganda Untuk Pembolehubah Komitmen Belajar

Pemboleh ubah bersandar – Komitmen Belajar					
Pemboleh ubah	Model 1	Model 2	Model 3	Tolerance	VIF
Pemalar					
Jantina	-0.03(-0.71)	-0.03(-0.75)	-0.03(-0.73)	0.921	1.08
Tahun Pengajian	-0.02(-0.52)	-0.03(-0.72)	-0.02(-0.38)	0.972	1.02
Fakulti	-0.012(-2.44)*	-0.14(-2.86)**	-0.15(-3.13)**	0.913	1.09
Bangsa	-0.06(-1.33)	-0.06(-1.26)	-0.02(-0.49)	0.988	1.01
CGPA	0.19(3.95)***	0.24(4.90)***	-0.22(4.57)***	0.919	1.08
Peramal					
Tekanan	-	0.21(4.38)***	0.17(3.66)***	0.940	1.06
Pembelajaran-e			0.25(5.40)***	0.947	1.05
R ²	0.071	0.115	0.178		
ΔR ²	0.071	0.044	0.063		
F- Change	5.881***	19.193***	29.198***		
df	5/385	1/384	1/383		

*p < .05; **p < .01; ***p < .001; Durbin-Watson = 1.818

Nota: Nilai koefisien regresi standardized dilapurkan dan nilai t dalam kurungan

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini telah menguji beberapa hipotesis dengan menggunakan analisis regresi. Hipotesis 1 dan 2 yang menguji hubungan di antara pembelajaran-e dengan tekanan dan komitmen adalah diterima di mana hasil kajian yang diperoleh menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut. Hasil kajian ini juga telah menyokong beberapa kajian lepas yang mendapati pembelajaran-e dapat memberi kesan yang positif kepada tekanan dan seterusnya pelajar juga dapat memberi komitmen kepada pembelajaran mereka (Singh et al. 2003). Persepsi pelajar IPT terhadap kebolegunaan pembelajaran-e dilihat sebagai penyebab tekanan yang mencabar sama seperti individu yang berusaha keras untuk memenuhi tanggungjawab kerja yang diberikan dengan keyakinan bahawa ianya akan memberi impak yang positif (Colquitt et al. 2015). Pelajar juga mendapati dengan pembelajaran-e, mereka mampu memberi komitmen dengan belajar bersungguh-sungguh. Begitu juga dengan penerimaan Hipotesis 3 iaitu tekanan yang positif dapat mempengaruhi komitmen untuk belajar. Ini adalah selari dengan Teori Transaksional Tekanan yang menyatakan jika penyebab tekanan itu adalah sesuatu yang mencabar, maka individu akan memberi sepenuh komitmen untuk mencapai hasil yang positif (Lazarus & Folkman 1984).

Kajian ini dapat merumuskan bahawa pembelajaran-e adalah satu kaedah pembelajaran masa kini yang efektif berbanding kaedah tradisional. Dengan kaedah pembelajaran-e, pelajar bukan sahaja dapat berinteraksi dua hala dengan pensyarah mereka, malah pelajar juga dapat berinteraksi dengan rakan-rakan pelajar yang lain. Pembelajaran alam maya ini juga dapat memudahkan mereka untuk bertukar-tukar pendapat, berfikir secara kritikal, mempunyai pemikiran yang kreatif dan inovatif. Walaupun, pelajar menghadapi tekanan pada awalnya untuk berubah dan menerima sistem yang baru serta sering didesak untuk mengaktifkan minda, tetapi pelajar dapat memberi komitmen yang tinggi disebabkan tekanan yang dihadapi adalah suatu tekanan yang positif, mereka yakin ianya dapat membantu mereka mencapai kejayaan. Kecemerlangan sesebuah institusi adalah diukur dengan kualiti pelajar yang dihasilkannya, bukan sahaja dari sudut akademik tetapi juga kemahiran yang ada pada diri pelajar tersebut.

Walaupun kajian ini berjaya mencapai objektifnya namun begitu tekanan adalah satu isu yang kompleks yang memerlukan kajian mendalam sekiranya kita ingin meningkatkan pengetahuan tentang tekanan. Sebagai contoh, Matthieu dan Ivanoff (2006)

menegaskan kepentingan untuk memahami bagaimana orang menilai situasi dan repons kepada situasi berkenaan. Ini akan dapat membantu seseorang (pelajar) menghadapi situasi yang menyebabkan tekanan (Szabo et al. 2016). Oleh itu adalah dicadangkan kajian susulan berkenaan tekanan di kalangan pelajar pengajian tinggi dalam penggunaan pembelajaran-e. Khususnya merujuk kepada Teori Transaksional Tekanan, pengkaji akan datang disaran untuk menyelidik bagaimana pelajar menilai situasi pembelajaran-e dan tindakbalas mereka kepada situasi ini. Selain itu, kajian susulan untuk mendalami tekanan yang dialami pelajar akibat dari pembelajaran-e boleh dijalankan dengan melihat dua aspek penting iaitu tekanan mencabar dan tekanan menghalang. Akhir sekali, pengkaji juga boleh menguji peranan tekanan sebagai mediasi atau moderat kepada hubungan di antara pembelajaran-e dan pencapaian pembelajaran.

RUJUKAN

- Al-Adwan, A. & Smedley, J.K. 2012. Implementing e-learning in the Jordanian Higher Education Systems: Factors affecting impact. *International Journal of Education and Development using Information and Communication Technology* 8(1): 121-135.
- Arbaa, R. Jamil, H. & Razak, N.A. 2010. Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar?. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35 (2): 61-69.
- Baidari, N.H. & Hassan, Z. 2014. Kajian Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat. *Kolokium Penyelidikan & Inovasi Wilayah Selangor*.
- Cantonia, V., Cellario, M. & Porta, M. 2004. Perspective and challenges in elearning: Towards natural interaction paradigms. *Journal of Visual Languages and Computing* 15(5): 333-345.
- Colquitt, J.A., Lepine, J. A., and Wesson, M.J. 2015. *Organizational Behavior: Improving Performance and Commitment in the Workplace*. 4th Edition. McGraw Hill: New York.
- Haruzuan, M.N. & Kuppusamy, C. 2011. Hubungan sikap (Komitmen, Emosi, Berwawasan) dengan pencapaian akademik pelajar PKPG (SPT, SPN, SPH) tahun akhir di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai. *Journal of Educational Psychology & Counseling* 6: 74-91.
- Lee, B.C.L., Yoon, J-O. & Lee, I. 2009. Learners' acceptance of e-learning in South Korea: Theories and results. *Journal Computera & Education* 53(4): 1320-1329.
- Lazarus, R.S., and Folkman, S. 1984. *Stress Appraisal, and Coping*. New York: Springer.
- Mahyuddin, R. Pihie, Z.A.L. & Yaacob, N.F. 2001. Tahap tekanan akademik dan kerisauan pelajar

- mempelajari komponen teras kemahiran hidup. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities* 9(2): 87-93.
- Majpuni, M.N. & Yusof, M.H. 2012. E-Pembelajaran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Teknologi Maklumat & Komunikasi IPG Kampus Tawau. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012.
- Matthieu, M.M. & Ivanoff, A. 2006. Using stress, appraisal, and coping theories in clinical practice: Assessments of coping strategies after disasters. *Brief Treatment and Crisis Intervention* 6(4): 337-348.
- Nunnally, J.C. 1978. *Psychometric theory*. 2nd ed. New York: McGraw Hill.
- Omar, R. & Ahmad, J. 2009. Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 155-172.
- Park, S.Y. 2009. An analysis of the technology acceptance model in understanding university student's behavioral intention to use e-learning. *Educational Technology & Society* 12(3): 150-162.
- Pfaff, M.S. 2008. Effects of mood and stress on group communication and performance in a stimulated task environment, Doctoral Thesis, ProQuest LLC.
- Pourrajab, M., Rabbani, M. & Kasmaiezhadfar, S. 2014. Different effects of stress on male and female students. *The Online Journal of Counseling and Education* 3(3): 31-39.
- Saud, S., Rahman, M.A.A. & Shiung, T.K. 2007. Kajian Mengenai Penggunaan E-Pembelajaran (E-LEARNING) Di Kalangan Pelajar Jurusan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Di Institut Pengajian Tinggi (IPTA) Negeri Johor. 1st International Malaysian Educational Technology Convension. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Singh, G. O'Donoghue, J. & Worton, H. 2003. A study into the effects of e-learning on higher education. *Journal of University Teaching and Learning Practice* 95: 179-187.
- Sun, P., Tsai, R.J., Finger, G., Chen, Y., & Yeh, D. 2008. What drives a successful e-learning? An empirical investigation of the critical factors influencing learning satisfaction. *Computer & Education* 50(4): 1183-1202.
- Szabo, A., Ward, C. & Jose, P.F. 2016. Uprooting stress, coping, and anxiety: A longitudinal study of international students. *International Journal of Stress Management* 23(2): 190-208.
- Thawabieh, A.M., & Qaisy, L.M. 2012. Assessing stress among university students. *American International Journal of Contemporary Research* 2(2): 110-116.
- Yaacob, A.R., Ibrahim, R.A., Ishak, A.H. & Rashid, R. 2013. Punca STRESS Di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddinb (PTSS). PTSS Digest 2011, Perlis
- Yahaya, A., Ramli, J. & Boon, Y. 2007. Sumbangan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Matematik: Sejauh manakah Hubungan Ini Relevan? Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusof, H.A.M. & Azman, N. 2013. Perkaitan antara pengurusan masa dan tekanan dalam kalangan pelajar siswazah di IPTA. *Jurnal Pengajaran & Pembelajaran Dalam Pendidikan Tinggi AJTLHE* 5(1): 34-49
- West, S.G., J.F. Finch, & Curran, P.J. 1995. *Structural equation modelling with non normal variables: Problems and remedies*. Edited by R. H. Hoyle, Structural Equation Modeling: Concept, issues and applications. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Md Daud Ismail (Prof. Madya Dr.)
 Pusat Pengajian Pengurusan,
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 UKM 43600 Bangi, Selangor. Malaysia
 E-mel: mddaud@ukm.edu.my
- Nur Syuhada Md Zain
 Pusat Pengajian Pengurusan,
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 UKM 43600 Bangi, Selangor. Malaysia
 E-mel: nursyuhadamz08@gmail.com
- Roshayati Abdul Hamid (Dr.)
 Pusat Pengajian Pengurusan,
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 UKM 43600 Bangi, Selangor. Malaysia
 E-mel: wanrose@ukm.edu.my